

20 Ogos 2024

Kenyataan Media

PENGUMUMAN PENUTUPAN CAWANGAN PUSPAKOM PETALING JAYA

Shah Alam, 20 Ogos 2024 – PUSPAKOM menyusun strateginya dalam menuju ke arah liberalisasi pasaran di dalam industri pemeriksaan kenderaan di Malaysia dengan mengumumkan penutupan operasi cawangan PUSPAKOM Petaling Jaya bermula 31 Ogos 2024. Penutupan ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan memastikan pelanggan sentiasa mendapat perkhidmatan yang terbaik daripada PUSPAKOM.

Pelanggan yang lazimnya hadir ke PUSPAKOM Petaling Jaya untuk menjalani pemeriksaan kenderaan boleh mengunjungi ke cawangan-cawangan alternatif di sekitar Lembah Klang iaitu di:

1. PUSPAKOM Glenmarie

No. 19, Jalan Pengetua U1/32, HICOM Glenmarie Industrial Park, 40150 Shah Alam, Selangor.

2. PUSPAKOM Padang Jawa

Lot 1, Jalan Padang Jawa, Seksyen 16, 40200 Shah Alam, Selangor.

3. PUSPAKOM Cheras

No. 1 & 3, Jalan 1/118C, Desa Tun Razak Industrial Park, 56000 Cheras Kuala Lumpur.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Encik Mahmood Razak Bahman, penutupan cawangan Petaling Jaya merupakan langkah strategik syarikat dan tidak akan menjejaskan mutu perkhidmatan, malah kami melanjutkan waktu operasi cawangan PUSPAKOM Glenmarie bermula 2 September 2024 dari jam 7.00 pagi

sehingga 11.00 malam untuk memberikan kemudahan yang lebih fleksibel kepada pelanggan.

Untuk maklumat lanjut, pelanggan boleh menghubungi talian khidmat pelanggan kami di 03-51017000 atau layari laman web rasmi www.puspakom.com.my serta mendapatkan maklumat terkini di Facebook rasmi, PUSPAKOM Sdn Bhd

#

Gambar



Penutupan PUSPAKOM Petaling Jaya (PJ CITY) bermula 31 Ogos 2024